



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

REKAAN POKET MENYIMPAN BEG STOMA PADA PAKAIAN

SARINA BINTI CHE HASAN

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)
2016**

REKAAN POKET MENYIMPAN BEG STOMA PADA PAKAIAN

SARINA BINTI CHE HASAN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Teknologi Seni Reka)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report	<input checked="" type="checkbox"/>
Masters	<input type="checkbox"/>
PhD	<input type="checkbox"/>

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 24th JUNE, 2016.

Student's Declaration:


I SARINA BT CHE HASAN, 43925 . FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS (FACA) hereby declare that the work entitled REKAAN POKET MENYIMPAN BEG STOMA is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

24th JUNE 2016
Date submitted

SARINA BT CHE HASAN (43925)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I MISS NORHAYATI BINTI SULEIMAN here by certifies that the work entitled REKAAN POKET BEG STOMA PADA PAKAIAN was prepared by the above named student, and was submitted to the FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS (FACA) as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APLLIED ARTS WITH HONOURS (DESIGN TECHNOLOGY) and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: 
MISS NORHAYATI BINTI SULEIMAN

Date: 27/6/16

Norhayati Sulciman
Senior Lecturer
Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):


- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
24th JUNE 2016

Supervisor signature: 
24th JUNE 2016

Current Address:
KG KERAWAI 08200 SIK KEDAH DARUL AMAN.

Norhayati Suleiman
Senior Lecturer
Faculty of Applied and Creative Arts
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK


Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGESAHAN

Projek bertajuk **Rekaan Poket Beg Stoma Pada Pakaian** telah disediakan oleh **Sarina Binti Che Hasan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Teknologi Seni Reka**).

Diterima untuk diperiksa



(Cik Norhayati binti Suleiman)


Pensyarah Kanan,

Jabatan Teknologi Seni Reka.

Tarikh: 24/6/16

PENAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertai ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.



(Sarina Binti Che Hasan)

No. Matrik: 43925

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang telah mengurniakan rahmatNya sehingga dapat saya menyempurnakan projek tahun akhir ini dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelaras penulisan ilmiah ini iaitu Cik Norhayati binti Suleiman selaku penyelia di atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang saya menyempurnakan tugas ini, tidak lupa kepada Encik Azman selaku juruteknik yang banyak membantu saya dalam bentuk teknikal.

Ribuan terima kasih jua buat ibu Wayah Binti Hj Saad dan bapa Che Hasan Bin Lahman yang tercinta, juga kaum keluarga yang banyak memberi sokongan dan dorongan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga buat rakan seperjuangan yang sentiasa disisi, yang turut membantu saya. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat, kerana mereka semua saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya.

Sekali lagi saya memanjatkan doa kesyukuran ke hadrat Ilahi, agar segala usaha yang disumbangkan diberkati oleh Allah S.W.T di dunia dan akhirat.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Borang pengesahan status tesis	i
Pengesahan	iii
Pengakuan	iv
Penghargaan	iv
Abstrak	vix
<i>Abstract</i>	xv
BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	2
1.3 Persoalan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Kepentingan Kajian	3
1.6 Skop Kajian	4
1.7 Limitasi Kajian	4
1.8 Hipotesis	4
1.9 Kesimpulan	4
BAB 2 KAJIAN LEPAS	
2.0 Pengenalan	5
2.1 Tesis/Jurnal	5
2.2 Kerangka Konsep	8
2.3 Kesimpulan	9

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	10
3.1 Kerangka Kajian	10
3.2 Metodologi kajian	13
3.3 Kaedah Kajian Primer	13
3.3.1 Pemerhatian	13
3.3.2 Temubual	14
3.3.3 Borang Kaji Selidik	14
3.3.4 Eksperimentasi	16
3.4 Kaedah Kajian Sekunder	16
3.4.1 Laman sesawang	16
3.4.2 Bahan Berjilid	16
3.4 Kesimpulan	17

BAB 4 HASIL DAPATAN

4.0 Pengenalan	18
4.2 Pemerhatian	19
4.3 Borang Soal Selidik	19
4.4 Eksperimentasi	34
4.4.1 Eksperimentasi 1	35
4.4.2 Eksperimentasi 2	36
4.4.5 Eksperimentasi 3	37
4.6 Laman sesawang	41
4.7 Kesimpulan	42

BAB 5 PRODUK AKHIR

5.0 Pengenalan	43
5.1 Proses Rekaan	44
5.2 Perkembangan Idea	45
5.2.2 Lakaran idea	46
5.3 Produk Akhir	50
5.4 Kesimpulan	63

BAB 6 VALIDASI PRODUK

6.0 Pengenalan	64
6.1 Proses Validasi	64
6.2 Kekuatan Produk	73
6.2.1 Jenis Fabrik	73
6.2.2 Jenis Kancing	74
6.3 Kelemahan Produk	74
6.4 Batasan Kajian	74
6.5 Kesimpulan	75

BAB 7 KESIMPULAN

7.1 Kesimpulan	76
----------------	----

GLOSARI	77
----------------	----

RUJUKAN	78
----------------	----

LAMPIRAN

Lampiran A

Harta Intelek

Lampiran B

Borang Kaji Selidik

Borang Validasi

Lakaran Idea Produk Akhir

Pemotongan Pola Produk Akhir

Lampiran C

Pengiraan Kos Produk Akhir

SENARAI JADUAL

	MUKA SURAT
Jadual 1 : kod ' <i>likert scale</i> '	15
Jadual 2: Bilangan Responden mengikut Jantina.	20
Jadual 3: Bilangan Responden Mengikut Kumpulan Umur	21
Jadual 4: Kajian Pengetahuan Responden Mengenai rekaan beg stoma pada pakaian	23
Jadual 5: Skala <i>Likert</i> bagi soalan dalam Bahagian C	25
Jadual 6: Min Kategori Fabrik yang digemari	25
Jadual 7: Min Ketebalan Fabrik yang digemari	27
Jadual 8: Min Jenis Kancing di bahagian poket	28
Jadual 9 : Purata bagi pemilihan warna.	30
Jadul 11: Min pilihan siluet rekaan fesyen	31
Jadual 12: poket yang digemari	33
Jadual 13: jenis-jenis dan ciri-ciri fabric	38
Jadual 14: Jenis-jenis poket dan bukaannya	40
Jadual 17 : Spesifikasi produk akhir pertama	50
Jadual 18: Spesifikasi produk kedua	54
Jadual 19: Kedudukan poket pada rekaan produk akhir kedua	55

Jadual 20: Spesifikasi rekaan	57
Jadual 21: Kedudukan poket pada rekaan produk akhir ketiga	58
Jadual 22: Spesifikasi rekaan keempat	60
Jadual 23: Kedudukan poket pada rekaan produk akhir Keempat	62
Jadual 24 : Proses validasi yang dilakukan ke atas produk rekaan pertama	65
Jadual 25 : Proses validasi yang dilakukan ke atas produk rekaan kedua	67
Jadual 26 : Proses validasi yang dilakukan ke atas produk rekaan ketiga	69
Jadual 27 : Proses validasi yang dilakukan ke atas produk rekaan keempat	73

SENARAI RAJAH

MUKA SURAT

Rajah 2: Rekaan asal <i>Lumbar Supporting Aids</i> atau korset/alat Sokongan tulang belakang	7
Rajah 3: Kerangka Konsep Kajian	8
Rajah 4 : Carta Metodologi Penyelidikan, Rekaan poket pada pakaian	12
Rajah 5: Peratusan Responden Mengikut Janita	21
Rajah 6 :Peratusan Responden Mengikut Kumpulan Umur	22
Rajah 7: Kajian Pengetahuan Responden Mengenai rekaan beg stoma pada pakaian	24
Rajah 8: Min Kategori Fabrik Yang digemari.	26
Rajah 9: Min Ketebalan Fabrik yang digemari	27
Rajah 10 : Min Jenis Kancing	29
Rajah 11 : Min Jenis Warna Yang Menjadi Pilihan.	30
Rajah12: Min Pilihsiluet Rekaan Fesyen Wanita	32
Rajah 13 : Min Jenis Warna Yang Menjadi Pilihan.	33
Rajah 14: Pandangan hadapan dan belakang	35
Rajah 15: Pandangan hadapan dan belakang	36
Rajah 16: Pandangan hadapan dan belakang	37

Rajah 17 : Jenis-jenis beg stoma	41
Rajah 18 : Proses rekaan	44
Rajah 19: Papan konsep rekaan produk akhir	45
Rajah 20: Lakaran idea 1	46
Rajah 21: lakaran idea 2	47
Rajah 22: Lakaran idea 3	48
Rajah 23:Lakaran idea 4	49
Rajah 24:lakaran idea 5	49
Rajah 25: Rekaan Produk Akhir Pertama	51
Rajah 26: Lukisan Teknikal Bagi Rekaan Akhir Pertama	53
Rajah 27: Rekaan Produk Akhir kedua	55
Rajah 28: Lukisan Teknikal Bagi Produk Akhir kedua	56
Rajah 29: Rekaan Produk Akhir Ketiga	58
Rajah 30: Lukisan Teknikal Bagi Produk Akhir ketiga	59
Rajah 31: Rekaan Produk Akhir keempat	61
Rajah 32: Lukisan Teknikal Bagi Produk Akhir 4	62

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu pesakit usus. Dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif iaitu dengan membuat temubual dan mengedarkan borang soal selidik kepada pesakit dan mereka yang terlibat dalam kajian ini. Daripada hasil dapatan tersebut memberi garis panduan dalam ekseperiment rekaan pola yang bersesuaian dengan pesakit usus. Rekaan tempat menyimpan beg stoma pada pakaian tersebut diharapkn dapat membantu dan memberi keselesaan kepada pesakit.

ABSTRACT

This research aims to help patients with colon cancer. In this research, researcher used quantitative and qualitative method which by conducting an interview and distributing questionnaires to patients with colon cancer that involved in this research. Result from those method gave a guideline in experimenting with pattern cutting that is suitable for patients with colon cancer. Stoma bag design on garment expected to help and provide comfort to this patients.

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.0 Pengenalan

Kanser usus juga dikenali sebagai kanser kolorektal. Di kalangan wanita kanser usus berada di tangga ketiga selepas kanser payudara dan servik. Manakala di kalangan lelaki kanser usus kerap berlaku.¹

Menurut Dr Shajaran Haji Sayed Ahmad di klinik kesihatan Jalan Masjid Kuching. Kanser usus kerap berlaku pada peringkat umur 50 tahun ke atas. Kanser usus adalah merujuk kepada kanser yang bermula dalam usus (180 sentimeter atau enam kaki pertama usus besar). Di sinilah makanan kita bertukar menjadi najis dan ia akan digerakkan ke arah rektum. Rektum ialah bahagian 15 sentimeter atau enam inci terakhir usus besar yang berakhir dengan dubur. Usus dan rektum adalah sebahagian daripada sistem pencernaan yang bertugas mengasingkan nutrien daripada makanan dan menyimpan bahan sisa sehingga ia dikeluarkan daripada badan sebagai najis. Punca sebenar kanser usus masih tidak diketahui dengan tepat, tetapi ia dikatakan ada kaitan dengan tabiat pemakanan dan gaya hidup seseorang.

Pembedahan merupakan rawatan utama untuk kanser usus di tahap awal. Polipectomi adalah suatu kaedah yang biasa digunakan oleh doktor (ahli endoskopi) untuk membuang polip usus yang dianggap berbahaya pada waktu dilakukan kolonoskopi.

¹<http://anizyn.blogspot.my/2012/01/kanser-usus-kanser-kolon-tanda-punca.html>

Bila ia sudah bertukar menjadi kanser, maka perlu dilakukan tindakan pembedahan yang disebut kolektomi atau reseksi segmental. Biasanya doktor akan membuang bahagian usus yang terkena kanser, dan kemudian menyambung semula bahagian usus yang masih berbaki. Pada kaedah rawatan ini, doktor mungkin perlu untuk membuat lubang pembuangan najis sementara (ostomi) di pinggang pesakit supaya usus kembali sembuh. Selepas menjalani pembedahan doktor akan melekatkan beg stoma pada badan pesakit.

1.1 Penyataan Masalah

Melalui kajian awal didapati masalah kajian adalah seperti berikut:

- I. Pesakit kurang selesa menggunakan beg stoma pada badan.
- II. Perletakan beg stoma pada badan tidak kukuh dan tetap.

I. Pesakit kurang selesa menggunakan beg stoma pada badan

Menurut Yock Kee ibu kepada pesakit iaitu Zhi Yi. Beliau mengatakan keadaan menjadi sukar apabila Zhi Yi mula merangkak dan lasak. Dia kerap mahu mencabutnya mungkin berasa tidak selesa dan membataskan pergerakan.

II. Perletakan beg stoma pada badan tidak kukuh dan tetap

Menurut pengalaman seorang pesakit kanser usus Zainuddin beliau terpaksa memandu semula ke rumah selepas 10km perjalanan kerana beg stoma yang dipakainya bocor. Selain itu beg stoma berkenaan pernah tertanggal sewaktu beliau sedang berjalan dan kemudian menggelungsur jatuh melalui kaki seluarnya.

1.2 Persoalan kajian

Persoalan yang terdapat dalam kajian ini adalah:

- i. Adakah rekaan tempat perletakan beg stoma pada pakaian dapat membantu pesakit?
- ii. Bagaimanakah perletakan beg stoma pada pakaian?
- iii. Apakah jenis fabrik yang sesuai digunakan?
- iv. Bagaimanakah rekabentuk dalam pakaian dapat membantu pesakit?

1.3 Objektif kajian

Antara objektif kajian yang diutarakan adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti kedudukan beg stoma pada pesakit.
- ii. Membuat experimentasi rekaan pola yang sesuai untuk beg stoma.
- iii. Menghasilkan rekaan poket sokongan pada pakaian.
- iv. Membuat validasi pada rekaan

1.4 Kepentingan kajian

Kajian ini dijalankan untuk memberi keselesaan yang maksimum kepada pesakit kanser usus. Dengan ini dapat memudahkan pergerakan pesakit untuk memakai pakaian. Selain itu dapat membantu pesakit mendapatkan pakaian yang selesa dari segi rekabentuk, jenis fabrik dan mempunyai poket menyimpan beg stoma.

Sasaran pengguna untuk pakaian yang mempunyai tempat menyimpan beg stoma ialah pengguna yang mahu bergaya tetapi beg stoma terlekat pada badan. Selain itu pengguna yang aktif bekerja.

1.5 Skop kajian

Skop kajian yang dijalankan lebih tertumpu di sekitar Bandar Kuching iaitu di Hospital Umum Sarawak. Kajian ini jugak disasarkan kepada golongan yang berumur 40 tahun hinggan 70 tahun. Ini adalah kerana golongan yang berada dalam lingkungan umur ini mempunyai jumlah yang ramai.

1.6 Limitasi kajian

Limitasi kajian ini memfokuskan kepada rekaan tempat menyimpan beg stoma pada pakaian. Fokus rekaan untuk golongan umur 50 tahun hingga 60 tahun.

1.8 Hipotesis

Dalam kajian ini penyelidik akan menghasilkan pakaian yang mempunyai tempat untuk menyimpan beg stoma yang dapat membantu dan memberi keselesaan kepada pesakit.

1.8 Kesimpulan

Secara amnya bab ini memberi pengenalan dan garis panduan kepada penyelidik untuk sedia ada dan menepati objektif penyelidikan yang telah ditetapkan. Rekaan yang dihasilkan ini akan menitikberatkan bahagian bukaan poket, jenis kancing yang digunakan, keselesaan pengguna, dan material yang akan digunakan diharap kajian akan dapat membantu meringankan beban yang dialami pesakit kanser usus.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Kajian lepas adalah merupakan kajian yang pernah dilakukan dan berkaitan dengan kajian yang dijalankan sekarang. Kajian lepas penting untuk mengetahui sumber rujukan yang telah digunakan oleh penyelidik berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji lepas melalui buku-buku, jurnal dan majalah yang pernah dihasilkan. Selain itu, kajian lepas bertujuan untuk mencari bukti bagi kesahihan sesuatu kajian atau sebagai bahan sokongan. Ia juga merupakan kajian yang perlu dilakukan penyelidik bagi membantu dalam membuat perbandingan antara rekaan dahulu dan rekaan baru yang bakal dihasilkan.

2.1 Tesis/Jurnal

Kajian yang pernah dijalankan sebelum ini adalah mengenai pakaian untuk pengguna yang mengalami kecederaan. Ia lebih memfokuskan kepada keselesaan. Beberapa kajian telah dilakukan oleh penyelidik sebelum ini antaranya ialah pengkaji bernama Muhammad bin Zakaria (2010), Universiti Malaysia Sarawak, pengkaji memfokuskan kepada **Potongan Pakaian Tradisional Untuk Diaplikasikan Ke Dalam Penghasilan Rekaan Pakaian Berkonsepkan Reka Bentuk Sejagat (Untuk Pesakit Angin Ahmar)**. Pengkaji mendapati potongan pakaian tradisional Melayu yang berbentuk geometrik dan ringkas dapat memberi keselesaan. Rekaan kajian yang dihasilkan juga menitikberatkan bahagian bukaan, jenis kancing, keselesaan pengguna, material yang digunakan dan

beliau berharap ia dapat membantu menyelesaikan beban yang dialami oleh individu yang menghidap penyakit Angin Ahmar²(rujuk rajah 1).



Rajah 1 Rekaan pakaian berkonsepkan rekabentuk sejagat untuk pesakit angin ahmar.

Seterusnya kajian yang telah dilakukan oleh pengkajian yang bernama Mohd Aliff Safuan Bin Jamaluddin (2015) universiti Sarawak yang bertajuk Rekaan Pakaian Wanita Mengikut Trend Dengan Mengaplikasikan Ciri-Ciri Korset/Alat Sokongan Pesakit Tulang Belakang. Penyelidik ingin merekabentuk kembali korset/alat sokongan untuk pesakit tulang belakang agar pengguna dapat merasa yakin. Penyelidik juga menggunakan zip dan butang pada korset/alat sokongan tulang belakang supaya dapat memberi variasi kepada responden untuk menggayakannya pada masa hadapan. Pilihan warna juga tidak terhad kepada warna-warna asas kerana penyelidik menukarnya kepada warna-warna yang lebih menarik agar responden lebih mengikut perkembangan fesyen semasa. Selain itu, pesakit dapat menggayakan korset/alat sokongan tulang belakang sebagai *outerwear* malah boleh digayakan dengan pelbagai jenis pakaian yang sedia ada dipasaran. Selain itu, korset/alat sokongan tulang belakang diaplikasikan di dalam

²Kajian Lepas Muhammad bin Zakaria(2010) :Kajian Lepas Muhammad bin Zakaria

pakaian untuk melindungi pesakit yang mengalami kecederaan tulang belakang supaya lebih yakin dan konfiden untuk menempuh dunia luar. Penyelidik mengguna teknik lipatan sebagai nilai tambah yang dapat memberi keselesaan kepada pengguna untuk mengayakannya³(Rujuk rajah 2).



Rajah 2: Rekaan asal *Lumbar Supporting Aids* atau korset/alat sokongan tulang belakang

³ Kajian lepas Mohd Aliff Safuan Bin Jamaluddin (2015)